

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYERAHAN BUNGKUSAN HARI RAYA PASUKAN KESELAMATAN
NEGARA
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-01-1996

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur kepada Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya sahaja dapat kita berkumpul di sini sekali lagi untuk menyempurnakan hajat BAKTI.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dan mengucapkan berbilang terima kasih atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan kemari.

3. Kita bersyukur dan insaf kerana negara kita yang tercinta ini berada dalam keadaan aman damai, makmur dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang membanggakan. Sejarah negara telah membuktikan selama hampir 40 tahun kita merdeka, rakyat dan negara telah melalui liku-liku yang pahit dan manis, menangani yang pahit dengan cekap dan tegas dan mengharumi nama baik negara dengan pencapaiannya, misalnya Proton dan Measat I. Yang amat penting sekali ialah dengan keadaan keamanan dan harmoni yang diamalkan oleh semua kaum masyarakat dalam negara. Kita akui bahawa terdapat beberapa perkara yang negara perlu mengatasi, umpamanya masalah- masalah pekerja-pekerja asing dan pendatang- pendatang tanpa izin, masalah najis dadah dan AIDs dan gejala-gejala sosial yang tidak sihat. Tetapi, syukur alhamdulillah, negara kita masih boleh lagi menangani masalah-masalah ini dengan sedaya upaya kita. Kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain, baik yang membangun atau yang maju, Malaysia adalah lebih jauh aman dan stabil daripada kebanyakan mereka.

4. Oleh itu berinsaflah kita, dan bersyukurlah kita, kerana ada dalam masyarakat kita golongan yang telah tampil ke hadapan mencari sara hidup mereka sebagai tentera dan polis; lelaki dan perempuan. Tarikan kepada suatu pekerjaan yang mempunyai risiko mungkin menjadi satu cabaran kepada muda-mudi yang memohon menjadi askar atau polis selain gaji yang akan didapati. Tetapi saya percaya yang ulung sekali tentulah kerana cintakan tanah air dan taat setia kepada nusa dan bangsa yang sama mendorong mereka menjadi ahli pasukan keselamatan negara.

5. Syabas dan tahniah kepada anggota tentera dan polis dari peringkat bawahan hinggalah ke atasan.

BAKTI bersama-sama dengan rakyat jelata mengucapkan penghargaan yang tinggi dan terima kasih setinggi- tingginya atas kerelaan, keberanian, pengorbanan dan kecekapan pasukan keselamatan negara di dalam negara baik di luar negara, di darat, di laut dan di udara.

6. Pada majlis pagi ini, BAKTI menyerahkan secara simbolik 20,000 katon bungkusan Hari Raya kepada pasukan tentera dan 5,880 katon kepada pasukan polis dengan doa semoga sumbangan ini diterima dengan selamat dan dalam keadaan baik. Kita berdoa juga semoga pasukan-pasukan tentera dan polis yang beroperasi di sempadan-sempadan, di lautan, di luar negara seperti Pengaman di Angola, Bosnia Herzegovina khasnya, berada dalam keadaan sihat walafiat dan menjalankan tugas dengan selamat. Mereka inilah yang mengharumkan nama baik negara kerana sanggup bertugas di negara asing yang bersengketa.

7. Kepada para isteri dan keluarga yang tinggal tanpa orang yang dikasihi, saya doakan semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi kesabaran hati dan keimanan supaya penantian kepulangan yang dikasihi mereka itu tidak begitu menyedihkan pada Hari Raya Cina dan Hari Raya Aidil Fitri.

8. Saya akhiri dengan mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli BAKTI yang bertugas sepanjang pagi Khamis lalu dengan begitu pantas hinggalah tiada lagi katon untuk syif BAKTI sebelah petang menguruskan. Syabas atas kerjasama yang diberikan.

9. Juga, saya ucapkan terima kasih kepada pasukan polis dan tentera yang bersama-sama dengan BAKTI memeriksa isi kandungan setiap kotak makanan sebelum diataskan dalam katon besar. Kerjasama tuan-tuan dan puan-puan amat dihargai.

10. Sekian sahaja, saya sudah dengan Selamat Berpuasa, Selamat Tahun Baru Cina dan Selamat Hari Raya Aidil Fitri. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati perjumpaan kita ini.